



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**APLIKASI KONSEP WASATIYYAH DALAM PENGURUSAN PERBELANJAAN  
PERKAHWINAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

**[APPLICATION ON WASATIYYAH CONCEPT IN ISLAMIC  
WEDDING EXPENSES MANAGEMENT]**

MUHAMMAD AIMAN IZZUDIN MOHD AFFANDY<sup>1\*</sup>  
SYH NOORUL MADIHAH SYED HUSIN<sup>1</sup>

<sup>1,2</sup>Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,  
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

\*Corresponding author: [aimanizzudin1996@gmail.com](mailto:aimanizzudin1996@gmail.com)

Received Date: 20 June 2022 • Accepted Date: 30 October 2022

**Abstrak**

Perkahwinan masa kini memperlihatkan kesukaran dan kesulitan dalam pelaksanaannya oleh masyarakat Islam moden. Ini berpunca daripada bebanan perbelanjaan perkahwinan yang semakin meruncing yang disebabkan oleh peningkatan kos pelaksanaan elemen utama perkahwinan, sambutan adat budaya dan trend semasa yang pelbagai. Gaya perbelanjaan yang tidak mesra syarak dan berlebih-lebihan menjadikan perkahwinan masa kini dilihat seakan-akan ibadah yang membebankan. Cabaran dalam melaksanakan perkahwinan tersebut membuatkan masyarakat terdedah dengan isu sosial seperti zina, berhutang dan perkahwinan lewat usia yang boleh mencemarkan institusi perkahwinan dalam Islam. Justeru, artikel ini akan memfokuskan mengenai konsep *wasatiyyah* menurut syarak dan pengaplikasiannya dalam pengurusan perbelanjaan perkahwinan menurut perspektif Islam. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian kualitatif berbentuk kepustakaan digunakan bagi mengumpul data dan maklumat berkenaan konsep *wasatiyyah*. Hasil kajian mendapati terdapat tiga konsep perbelanjaan perkahwinan berdasarkan konsep *wasatiyyah* yang mana terdiri daripada adil dalam perbelanjaan, perbelanjaan sepadan kemampuan dan mengelakkan pembaziran yang mana jelas dapat membantu memudahkan urusan perbelanjaan perkahwinan masyarakat moden. Konsep ini mampu menjadi panduan bagi masyarakat dalam melaksanakan perbelanjaan perkahwinan mengikut perspektif Islam.

**Kata kunci:** Perbelanjaan perkahwinan, *wasatiyyah*

**Abstract**

*Marriage implemented by modern Muslim society nowadays signifies difficulties and inconveniences. This stems from the escalating burden of wedding expenses caused by the rising cost of implementing the main elements of marriage, cultural custom celebrations, and various current trends. The religiously discouraged and extravagant style of spending makes*

*today's marriage seen as a burdensome act of worship. The challenges in implementing marriage today make society vulnerable to social issues such as adultery, debt, and late marriage that can damage the institution of marriage in Islam. Thus, this article will focus on the concept of wasatiyyah according to Islamic law and its application in the management of wedding expenses according to the Islamic perspective. To achieve these objectives, qualitative research in the form of a literature review is used to collect data and information on the concept of wasatiyyah. The results of the study found that there are three concepts of wedding expenses based on the concept of wasatiyyah which consists of sensible spending, affordable spending, and avoiding over-sufficiency and waste which can undoubtedly help facilitate the wedding expenses of modern society. According to the Islamic perspective, these concepts can guide the community in implementing wedding expenses.*

**Keywords:** wedding expenses, wasatiyyah

**Cite as:** Muhammad Aiman Izzudin Mohd Affandy & Syh Noorul Madiah Syed Husin. 2022. Aplikasi Konsep Wasatiyyah dalam Pengurusan Perbelanjaan Perkahwinan menurut Perspektif Islam [Application on Wasatiyyah Concept in Islamic Wedding Expenses Management]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(3): 58-75.

## PENGENALAN

*Wasatiyyah* merupakan sebuah konsep yang berorientasikan prinsip amalan bersederhana dalam setiap perkara agar tidak berlebih-lebihan dan melampau. Amalan kesederhanaan bertujuan mengoptimumkan segala usaha dan tindakan dengan sebaiknya tanpa terkurang atau terlebih bagi mencapai hasil yang seimbang dan terbaik. Tuntutan *wasatiyyah* atau bersederhana sememangnya amat dititik beratkan dalam Islam dan ianya meliputi segala aspek kehidupan yang merangkumi hal ibadat, politik, ekonomi, sosial, pemerintahan, perundangan dan akhlak termasuklah urusan perbelanjaan (Fakhrudin Abdul Mukti et al., 2010). Dalam al-Quran, ummat Islam itu sendiri telah diiktiraf oleh Allah SWT sebagai *ummatan wasata* iaitu kumpulan manusia pilihan yang terbaik dan adil dari sekalian manusia, sama ada baik dari segi amalan, perbuatan mahupun kepercayaan yang mana dinyatakan sebagai adil dan terbaik (Sayyid Qutb, 1971). Dalam urusan perbelanjaan perkahwinan Islam, konsep *wasatiyyah* memainkan peranan yang sangat penting dalam melancarkan urusan perbelanjaan dan mengawal selia aliran kewangan serta memandu gaya pelaksanaan upacara perkahwinan yang lebih menepati konsep syarak. Hal ini kerana perbelanjaan perkahwinan biasanya melibatkan sejumlah kos yang amat tinggi dan ianya perlu diuruskan dengan cermat dan teratur agar dapat mendisiplinkan dan menjaga perilaku manusia dari melakukan perbelanjaan di luar batasan yang tidak memberi sebarang manfaat.

Realitinya, pengurusan perbelanjaan perkahwinan semasa tidak hanya terhad kepada elemen utama seperti mas kahwin dan walimatulurus, malah turut melibatkan elemen adat dan trend terkini. Walau bagaimanapun, senario masa kini memperlihatkan perkahwinan seakan-akan begitu sukar untuk dilaksanakan disebabkan oleh bebanan perbelanjaan dalam perkahwinan (Syh Noorul Madiah Syed Husin et al., 2014). Hal ini kerana perkahwinan masa kini lebih terarah kepada aktiviti konsumsi barangan dan pesta keraian yang disambut

dengan kemewahan (Syh Noorul Madidah, 2017). Malah, perbelanjaan perkahwinan hari ini dilihat seolah-olah suatu ibadah yang membebankan (Nurul Athirah & Sanep Ahmad, 2016). Ditambah pula dengan cabaran ekonomi, tuntutan komitmen semasa dan keinginan perkahwinan impian masyarakat moden yang beraneka ragam (Mohd Khairuddin et al., 2020), turut menambahkan lagi kesukaran dalam melaksanakan upacara perkahwinan sedangkan Islam amat mementingkan kesederhanaan dan tidak berlebihan dalam setiap perkara ibadat termasuklah urusan perkahwinan. Gaya perbelanjaan oleh masyarakat yang menyimpang dari konsep *wasatiyyah* menimbulkan bebanan dalam perbelanjaan perkahwinan sehingga membawa kepada pelbagai implikasi negatif seperti budaya berhutang (Fatimah Salwa et al., 2019) dan perkahwinan lewat usia (Qurratul Aien, 2011).

Oleh yang demikian, kajian ini akan membincangkan tentang konsep *wasatiyyah* dalam pengurusan perbelanjaan perkahwinan menurut perspektif Islam bagi mempamerkan konsep yang diutamakan oleh syarak. Bagi mencapai objektif tersebut, metode kajian kualitatif berbentuk kepustakaan digunakan bagi mengumpul data dan maklumat berkenaan konsep *wasatiyyah*. Berdasarkan daripada dapatan yang diperoleh, artikel ini seterusnya akan menjelaskan tentang kedudukan konsep *wasatiyyah* dalam Islam dan pengaplikasiannya dalam pengurusan perbelanjaan perkahwinan menurut perspektif Islam yang mana hasilnya nanti akan memandu masyarakat ke arah pengurusan perbelanjaan perkahwinan yang terbaik dan mesra perbelanjaan demi kemaslahatan kewangan pengantin.

## KONSEP WASATIYYAH MENURUT SYARIAT ISLAM

Melihat kepada definisi menurut bahasa, *wasatiyyah* berasal daripada kalimah Arab iaitu *wasato* atau *waston* yang bermaksud sederhana yang mana kalimah ini telah dinyatakan oleh Allah SWT di dalam al-Quran sebanyak enam kali (Abu Bakar Hamzah, 1985). Sederhana diertikan sebagai sesuatu yang di tengah-tengah, tidak lebih, pertengahan atau sesuatu perkara yang tidak banyak selok-beloknya, tidak rumit dan tidak sulit (Noresah Bahrom, 2002). Dari sudut istilah, makna sederhana adalah seperti mana sudut bahasa dengan tambahan para ulama menyebutnya sebagai *tawassut*, iaitu suatu keadaan yang dipuji pada kebiasaannya yang berdiri di atas asas akal manusia yang sejahtera dengan fitrah dan menyelamatkan manusia daripada cenderung kepada melampau atau cuai (Al-Farfur, 1992). Pengertian *wasatiyyah* dalam Islam turut membawa makna terbaik dan terpilih (Ibn Manzur, 2005). Firman Allah SWT,

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا وَمَا جَعَلْنَا الْقِبْلَةَ الَّتِي كُنْتَ عَلَيْهَا إِلَّا لِنَعْلَمَ مَنْ يَتَّبِعِ الرَّسُولَ مِمَّنْ يَنْقَلِبُ عَلَى عَقِبَيْهِ وَإِنْ كَانَتْ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِلَّعَ إِيمَانَكُمْ إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرَّءُوفٌ رَحِيمٌ

Maksudnya, Maksudnya: “Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu. Dan Kami tidak menetapkan kiblat yang menjadi kiblatmu (sekarang) melainkan agar Kami mengetahui (supaya nyata) siapa yang mengikuti Rasul dan siapa yang membelot. Dan sungguh (pemindahan kiblat)

itu terasa amat berat, kecuali bagi orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah; dan Allah tidak akan menyia-nyiakan imanmu. Sesungguhnya Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kepada manusia” (al-Baqarah 2:143).

Berdasarkan kalimah *al-wasat* di atas, memberitakan bahawa umat Islam adalah umat pilihan dan terbaik (Ibn Kathir, 1998). Mengikut tafsiran al-Samarqandi (2006), *al-wasat* bermaksud yang paling adil dan yang terbaik di kalangan selain daripada mereka, yang dinisbahkan kepada umat Islam. Menurut Sayyid Qutb (1971), istilah *ummatan wasatan* yang ditafsirkan sebagai umat Islam adalah umat yang terbaik bermaksud umat yang adil dari segi kefahaman dan kepercayaan, adil dari segi pemikiran dan perasaan, adil dari segi penyusunan dan penyelarasan, adil dari segi tempat serta umat yang pertengahan dari segi zaman. Malah, kebanyakan pengkaji turut meluaskan definisi *wasatiyyah* sebagai tidak melampaui batasan kewajaran (Muhamadul Bakir & Khatijah Othman, 2017).

Dalam menghuraikan makna adil menurut konsep *wasatiyyah*, Imam al-Ghazali (1996) telah membahagikan jiwa manusia kepada empat cabang iaitu keadilan, keilmuan, kemarahan dan keinginan. Setiap cabang kecuali keadilan, mempunyai dua sifat ekstrem iaitu terlalu banyak dan terlalu sedikit. Tahap pertengahan adalah kedudukan yang paling baik, iaitu merujuk kepada keadilan. Sementara kedudukan yang lebih jauh daripada pertengahan iaitu ekstrem akan menghasilkan keburukan yang mana merujuk kepada cabang keilmuan, kemarahan dan keinginan. Misalnya, cabang keinginan akan menghasilkan sikap tamak apabila terlalu banyak atau ketiadaan nafsu apabila terlalu sedikit dan apabila di pertengahan ia akan menghasilkan ketabahan. Ini bermaksud cabang keadilan satu-satunya ciri yang neutral dan tiada pengaruh sifat ekstrem yang mana selari dengan konsep *wasatiyyah*. Contoh lain adalah gambaran orang yang menyeleweng daripada jalan pertengahan seperti meninggalkan ibadat kepada Allah SWT kerana terlalu berputus asa atau melakukan ibadat secara berlebihan kerana terlampau takut kepadaNya sehingga mendatangkan kemudaratan ke atas diri dan keluarga, kedua-duanya membawa kepada sifat ekstrem. Justeru, sifat adil dalam *wasatiyyah* menyeimbangkan keadaan dari berlebihan dan melampau.

Pengaplikasian *wasatiyyah* dalam kehidupan beragama pula memperlihatkan bahawa sistem akidah Islam adalah bersifat *wasatiyyah* (Fakhrudin Abdul Mukti et al., 2010). Hal ini kerana akidah Islam adalah akidah yang hanya mengakui Allah SWT sebagai tuhan yang esa dan tiada nilai keagamaan yang terpesong. Berbeza dengan fahaman lain seperti golongan *khurafiyin* dan golongan *maddiyyin* yang mana dasar iktikad dalam akidah mereka adalah melampau dan ekstrem (Al-Qaradawi, 1981). Allah SWT firmanNya,

وَقَالُوا لَنْ يَدْخُلَ الْجَنَّةَ إِلَّا مَنْ كَانَ هُودًا أَوْ نَصْرَىٰ ۚ تِلْكَ أَمَانِيُّهُمْ ۚ قُلْ هَاتُوا بُرْهَانَكُمْ إِن كُنْتُمْ صَادِقِينَ

Maksudnya: “Dan mereka (Yahudi dan Nasrani) berkata: “Sekali-kali tidak akan masuk surga kecuali orang-orang (yang beragama) Yahudi atau Nasrani”. Demikian itu (hanya) angan-angan mereka yang kosong belaka. Katakanlah: “Tunjukkanlah bukti kebenaranmu jika kamu adalah orang yang benar” (al-Baqarah 2:111).

Kesederhanaan akidah Islam ini sebenarnya menunjukkan bahawa Islam sebuah agama yang terbaik dan sempurna khususnya dalam iktikad mengesakan Allah SWT sebagai satu-satunya tuhan yang layak disembah berbanding golongan yang langsung tidak mempercayai tuhan dan golongan yang mempercayai banyaknya tuhan (Muhamadul Bakir et al., 2017). Ini juga menunjukkan bahawa agama Islam merupakan satu sistem akidah yang adil yang mana mengakui kewujudan tuhan yang esa dan menafikan kewujudan tuhan yang berbilang (Ismail Ibrahim, 2013), sekaligus menepati maksud *wasatiyyah* dalam agama.

Dalam aspek pelaksanaan syariat, parameter konsep *wasatiyyah* dalam al-Quran turut menterjemahkan ciri tidak berlebihan dan mengikut kemampuan dalam melakukan perintah syarak. Kemampuan dalam neraca *wasatiyyah* bermaksud setiap perintah syarak dilaksanakan berdasarkan limitasi yang ditetapkan dan tidak dibebankan lebih dari sekadarnya. Ini kerana secara fitrahnya manusia itu adalah makhluk yang lemah dan terbatas kemampuannya, maka didatangkan kriteria kemampuan dalam syariat agar manusia mampu melaksanakannya sekaligus menunjukkan bahawa perintah agama itu mudah dan mampu dilaksanakan oleh setiap mukallaf (Syh Noorul Madiah Syed Husin, 2014). Allah SWT berfirman,

لا يكلف الله نفسا إلا وسعها

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah tidak membebani kamu melainkan pada apa yang kamu mampu” (al-Baqarah 2:286)

Penerapan konsep *wasatiyyah* dalam pelaksanaan syariat yang menekankan soal keupayaan bertujuan memelihara seseorang dari melakukan sesuatu di luar kemampuan bagi mengelakkan kebosanan dan rasa benci terhadap hukum syarak, di samping bertujuan untuk mengelakkan daripada terganggunya urusan kehidupan yang lain (Al-Shātībī, 1997). Misalnya, suami tidak dibebankan untuk menafkahi untuk anak dan isteri secara berlebihan. Bukti ini jelas dilihat apabila syarak menetapkan taklifan kewajipan pemberian nafkah adalah berdasarkan kemampuan suami (al-Sharbinī, 1994). Di sini memperlihatkan keutamaan konsep *wasatiyyah* dalam pelaksanaan sesuatu perkara agar dilaksanakan mengikut kemampuan individu.

Selain itu, Rasulullah SAW turut menekankan kepentingan konsep *wasatiyyah* menerusi hadis baginda. Sabda baginda,

خَيْرُ الْأُمُورِ أَوْسَطُهَا

Maksudnya: “Sebaik-baik perkara adalah yang pertengahan.”(Riwayat al-Baihaqi)

Hadis di atas menerangkan bahawa sebaik-baik perkara adalah yang pertengahan. As-Syaukani (1995) menyatakan bahawa kedudukan pertengahan atau sederhana bukanlah menunjukkan kelemahan atau kekurangan namun ianya merupakan sifat yang menjaga diri dari sesuatu yang membawa keburukan yang disebabkan oleh berlebihan. Sifat melampaui batas yang menolak kesederhanaan boleh memudaratkan manusia dan segala urusan dunia dan akhirat. Bahkan, Rasulullah SAW turut menegah untuk tidak berlebih-lebihan sekalipun

dalam urusan agama. Sabda baginda,

إِيَّاكُمْ وَالْغُلُوَّ فِي الدِّينِ، فَإِنَّمَا هَٰلِكَ مَنْ قَبْلَكُمْ بِالْغُلُوِّ فِي الدِّينِ

Maksudnya: “Awasilah kamu dalam melampau dalam beragama, karena binasanya orang-orang sebelum kamu adalah disebabkan sikap *ghuluw* mereka dalam beragama.”(Riwayat Ibn Majah)

Dalam hadis yang lain, baginda turut menyatakan,

إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ، وَلَنْ يُشَادَّ الدِّينَ أَحَدٌ إِلَّا غَلَبَهُ

Maksudnya: “Sesungguhnya agama itu mudah, janganlah seseorang daripada kamu menyukarkan (menyulitkan urusan agama itu) melainkan kamu akan tewas.”(Riwayat Bukhari)

Hadis-hadis di atas menggambarkan bahawa urusan agama itu sebenarnya mudah dan Islam menegah sikap berlebih-lebihan. Ibnu Hajar al-Asqolani (2001) menyatakan Islam tidak melarang mencari kesempurnaan dalam urusan ibadat mahupun bukan ibadat namun melarang manusia bersikap melampau yang boleh membawa kepada lesu, malas atau berlebih-lebih dalam melaksanakannya. Ini sekaligus menunjukkan bahawa cabang konsep *wasatiyyah* juga bermaksud memudahkan sesuatu perkara dan tidak berlebih-lebihan. Walaupun hadis tersebut menunjukkan kepada tuntutan memudahkan dalam urusan agama, akan tetapi konsep ini juga terpakai dalam urusan dunia.

Kemuncak kepada konsep *wasatiyyah* dalam Islam akhirnya membawa kepada konsep keutamaan. Menurut Imam al-Ghazali (1996), *wasatiyyah* adalah keadaan atau perkara pertengahan yang dinisbahkan sebagai sifat keutamaan dan ia terletak diantara dua sifat ekstrem yang tercela. Keutamaan merupakan satu keadaan yang membuatkan seseorang mengutamakan sesuatu yang paling penting antara dua perkara apabila berlaku pertembungan, atau apabila kedua-duanya tidak boleh berlaku beriringan hingga menuntut suatu pilihan dibuat (Mohd ‘Adlan, 2015). Seandainya seseorang mengutamakan perkara lain dari yang paling utama maka ia sebenarnya menempah kepada kecelaan dan kerugian. Contohnya, membeli kenderaan yang mahal berbanding kenderaan yang murah dan mampu milik atas alasan cantik bergaya. Sedangkan tujuan utama kenderaan adalah untuk digunakan bagi memudahkan urusan harian, bukan untuk bergaya. Bahkan, jika melihat kepada konsep maqasid syariah, antara komponen yang paling ditekankan adalah *daruriyah*, iaitu keutamaan yang paling penting yang mana tanpanya semua keseimbangan dalam urusan agama akan terganggu (Majlis Agama Islam Selangor, t.t). Menurut Dalila Daud (2021), individu mestilah memfokuskan keutamaan dalam keperluan asas terlebih dahulu dalam setiap perbelanjaan yang dibuat seperti membuat perbelanjaan mengikut kategori *daruriyah*, *hajiyyah* dan *tahsiniah*. Kesilapan dalam memilih keutamaan mengundang masalah besar dalam kehidupan seperti dibelenggu hutang. Justeru, ciri keutamaan dalam *wasatiyyah* sebenarnya memandu manusia dalam pengurusan kepentingan sesuatu perkara agar tidak mengundang segala bentuk pembaziran.

Sebagai rumusan, penerapan konsep *wasatiyyah* jelas dilihat menyeluruh dalam aspek kehidupan. *Wasatiyyah* dalam Islam pada dasarnya disandarkan melalui pengiktirafan umat Islam sebagai *ummatan wasatan* iaitu umat terbaik dan adil. Konsep *wasatiyyah* menurut Islam yang ditunjangi dengan kriteria kesederhanaan memperlihatkan kepelbagaian cabang konsep-konsep mahmudah yang lain seperti memudahkan, keutamaan dan keadilan. Kesederhanaan dalam kehidupan bertujuan mendidik insan bersifat adil, istiqamah, terbaik, aman, kuat dan bersatu (Muhamadul Bakir et al., 2017). Tuntutan kesederhanaan dalam syariat jelas menunjukkan bahawa Islam sebuah agama yang bertimbang rasa dan tidak membebankan. Walaupun wujud seruan memperbanyakkan amal ibadah namun ia mestilah dilaksanakan dalam keadaan terkawal dan tidak memudaratkan. Ini menunjukkan konsep *wasatiyyah* mengawal selia segala aktiviti manusia demi mencapai tahap yang terbaik. Konsep-konsep ini seterusnya menghasilkan beberapa kaedah fiqh yang amat membantu menyelesaikan pelbagai masalah fiqh seperti *al-masyaqqah tajlib al-taysir* (kesukaran akan mengundang kemudahan) dan *idza dāqa al-amr 'ittasa'a* (jika sesuatu urusan terlalu sempit, maka perlu diperluaskan) (Al-Suyūṭī, 2004). Kaedah-kaedah ini secara umumnya menolak kesukaran yang boleh berlaku pada manusia dan menggantikannya dengan sesuatu yang lebih mudah. Justeru, doktrin *wasatiyyah* iaitu kesederhanaan bukanlah bermaksud umat Islam hanya perlu memberikan separuh daripada usahanya dalam sesuatu aktiviti. Sebaliknya doktrin ini mempunyai idea atau maksud yang lebih hampir kepada kesempurnaan, keseimbangan dan keadilan (al-Qaradawi, 1995), kerana pada asasnya, kedudukan pertengahan adalah yang paling ideal dalam Islam. Keinginan mencari keredaan Allah S.W.T dan keperluan dunia bukanlah penghalang bagi manusia untuk mendapat keuntungan dunia dan akhirat, namun perlu didahulukan keadilan dan keutamaan dalam setiap perkara bagi menjamin keseimbangan dan menolak kemudaratkan.

## **WASATIYYAH MENERUSI KESEDERHANAAN DALAM PERBELANJAAN PERKAHWINAN**

Perkahwinan dan perbelanjaan sememangnya saling berkait. Bersesuaian dengan konsep perkahwinan yang melibatkan tanggungjawab dan hak berbentuk harta, pastinya membawa kepada keperluan pengurusan perbelanjaan perkahwinan yang terbaik. Dalam penulisan fiqh, para fuqaha tidak membincangkan terlalu terperinci berkaitan perbelanjaan perkahwinan. Namun apa yang diperbincangkan mengenai perbelanjaan utama dalam perkahwinan iaitu mas kahwin dan penganjuran walimatulurus sebenarnya memperlihatkan secara umum konsep perbelanjaan perkahwinan dalam Islam yang jelas memerlukan perbelanjaan khusus daripada pihak pengantin.

Para fuqaha bersepakat bahawa mas kahwin merupakan bayaran wajib yang dikeluarkan oleh suami dari hartanya, sama ada berbentuk barangan ataupun manfaat (Mustafa al-Khin et al., 2005). Pemberian mas kahwin menjadi simbolik kesungguhan dan tanggungjawab suami dalam mengahwini isterinya (al-Sha'rawi, 2000). Pelaksanaan walimatulurus pula merupakan tuntutan sunat yang sangat digalakkan penganjurannya sebagai tanda kesyukuran kepada Allah SWT atas nikmat perkahwinan (Al-Zuhayli, 1989). Pelaksanaannya melibatkan perbelanjaan yang tertentu bagi menjayakannya. Kedua-dua elemen tersebut menuntut pengurusan perbelanjaan harta dengan baik.

Dalam membicarakan konsep perbelanjaan perkahwinan dalam Islam, didapati tiada kajian khusus berkaitan perbincangan pendapat ulama tentangnya. Namun secara prinsipnya Islam amat menitik beratkan konsep *wasatiyyah* dalam urusan perkahwinan bagi memastikan ianya dilaksanakan secara terkawal. Perkahwinan berkonsepkan *wasatiyyah* bermaksud perkahwinan yang dilaksanakan secara sederhana yang mana bertujuan mengelakkan pembaziran dan pemborosan dalam perbelanjaannya.

Kesederhanaan yang dituntut bukanlah bermaksud ala kadar, namun ia terletak antara perbelanjaan yang boros dan bakhil (Surtahman Kastin Hassan & Sanep Ahmad, 2010). As-Syaukani (1995) menyatakan bahawa kedudukan sederhana merupakan sifat yang menjaga dari sesuatu yang membawa keburukan yang disebabkan berlebihan. Sabda Rasulullah SAW,

خَيْرُ الْأُمُورِ أَوْسَطُهَا

Maksudnya: “Sebaik-baik perkara adalah yang pertengahan.”(Riwayat al-Baihaqi)

Dalam perbelanjaan perkahwinan Islam, elemen mas kahwin jelas menzahirkan tuntutan bersederhana yang mana pemberiannya menekankan ciri nilai namun tiada jumlah spesifik (Abdul Karim Zaydan, 1986). Jika diperhatikan, ketetapan nilai mas kahwin yang mesti bernilai namun tidak ditentukan kadarnya, seakan-akan memberi bayangan mengenai konsep *wasatiyyah* yang mencerminkan kesederhanaan. Galakkan bersederhana yang menjadi teras dalam perbelanjaan perkahwinan bertujuan memberi peluang kepada masyarakat yang berhajat mendirikan rumah tangga untuk melaksanakan perkahwinan tanpa sebarang halangan disebabkan bebanan perbelanjaan yang tinggi (Syh Noorul Madiah Syed Husin, 2014).

Penting untuk difahami bahawa kesederhanaan dalam Islam bukanlah bermaksud seseorang itu hanya berusaha separuh dari kudratnya atau fikirannya sahaja, namun sebenarnya ia lebih hampir kepada kesempurnaan, keseimbangan dan keadilan (al-Qaradawi, 1995). Rasulullah SAW jelas menunjukkan contoh terbaik kesederhanaan dalam perbelanjaan perkahwinan yang mana diriwayatkan pemberian mas kahwin kepada isteri baginda iaitu Saidatina Aisyah R.A adalah berupa perkakas rumah yang bernilai lima puluh dirham (Ibn Mājah, t.t). Justifikasi pemberian sedemikian kepada Saidatina Aisyah R.A adalah kerana baginda tahu keperluan yang lebih perlu dimiliki dalam rumah tangga. Malah, kesederhanaan sebenarnya melatih masyarakat untuk berbelanja mengikut kemampuan dan mengawal perbelanjaan agar tidak terbabit dengan pemborosan sekaligus memberi peluang kepada pasangan yang ingin berkahwin awal untuk mencapai impian tersebut (Syh Noorul Madiah Syed Husin, 2014). Hal ini kerana perkahwinan yang dilewatkan bukan sahaja memberi kesan dari segi gejala sosial seperti pergaulan bebas, perzinaan dan hamil luar nikah, malah turut memberi kesan dari segi populasi masyarakat Islam yang disebabkan oleh perkahwinan lewat usia (Al-Jabiri, 2008). Ditambah pula dengan senario perkahwinan lewat usia disebabkan kos perkahwinan yang tinggi, maka sudah pasti kaedah berbelanja secara sederhana perlu diketengahkan bagi memudahkan urusan perkahwinan (Haslina Hassan & Ann Wan Seng, 1995).

Justeru, bagi memastikan urusan perkahwinan dilaksanakan berdasarkan anjuran *wasatiyyah*, maka perbelanjaan yang dilakukan mestilah tidak melibatkan bajet yang terlalu besar, misalnya menetapkan kadar mas kahwin di tahap sederhana. Penetapan mas kahwin

yang tinggi tidak seharusnya menjadi ukuran mutlak bukti kesungguhan berkahwin kerana itu bukanlah tujuan pemberian mas kahwin yang sebenar malah tidak menyelesaikan isu bebanan perbelanjaan perkahwinan. Individu Muslim perlu sedar bahawa komitmen perbelanjaan selepas berkahwin adalah lebih penting. Atas dasar itulah Islam menggalakkan amalan bersederhana dalam perbelanjaan perkahwinan bahkan sunat bagi pasangan yang berhajat untuk berkahwin tidak menetapkan mas kahwin dengan kadar yang tinggi (Ibn Qudāmah, 1997). Cukup memadai jika nilai mas kahwin tersebut memberi keadilan kepada kedua-dua pihak, yang mana ia mampu diserahkan oleh pengantin lelaki dan mampu juga dimanfaatkan oleh pengantin perempuan. Bagi perbelanjaan walimatulurus, amatlah dituntut agar diutamakan makanan budaya setempat yang tidak memerlukan kos yang tinggi. Perbelanjaan sebegini dapat membudayakan amalan berjimat cermat dan membendung pembaziran.

Pelaksanaan perkahwinan dalam Islam yang dipandu oleh Rasulullah SAW menerusi konsep *wasatiyyah* jelas memperlihatkan anjuran bersederhana dalam perbelanjaan agar ianya tidak berlebihan dan memudahkan urusan perkahwinan. Justeru, antara bentuk anjuran konsep *wasatiyyah* dalam pengurusan perbelanjaan perkahwinan dalam Islam adalah:

#### 1. Perbelanjaan Secara Adil

Islam mewajibkan umatnya untuk sentiasa berlaku adil dalam setiap perkara termasuklah dalam urusan perbelanjaan perkahwinan. Keadilan dalam Islam bersifat komprehensif yang mana merangkumi keadilan dari sudut ekonomi, sosial, dan politik (Fauzi Almubarak, 2018). Adil dalam perbelanjaan perkahwinan bermaksud berbelanja secara cermat dan seimbang tanpa unsur penyelewengan dan ketidakseimbangan. Hal ini kerana adil menurut Islam bertujuan untuk memerangi kezaliman dan penganiayaan (Wan Roslili Abd. Majid, 2003). Allah SWT berfirman,

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi kepada kaum kerabat, dan Allah melarang dari perbuatan keji, kemungkaran dan permusuhan. Dia memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat mengambil pelajaran.” (Sural al-Nahl: 90)

Berdasarkan ayat di atas, konsep adil merupakan tuntutan yang perlu diamalkan oleh setiap individu dalam kehidupan. Menurut Ibnu Kathir (1998), Allah SWT memerintahkan setiap hamba-Nya untuk sentiasa berlaku adil dengan mengambil sikap pertengahan dan keseimbangan serta menganjurkan untuk berbuat kebaikan. Inilah tiga kunci utama keadilan menurut Islam.

Dalam perbelanjaan perkahwinan, konsep adil jelas dipaparkan menerusi ketiadaan kadar khusus bagi bayaran mas kahwin berbanding kadar khusus dalam ibadat lain seperti zakat, akikah dan faraid (Al-Jabiri, 2008). Biar pun para fuqaha bersepakat bahawa tiada kadar maksimum bagi bayaran nilai mas kahwin di samping terdapat juga segelintir pendapat

yang menetapkan kadar minimum (al-Zuhayli, 1989), namun kelonggaran aspek pembayaran tetap menjadi keutamaan syarak yang mana objektifnya agar mampu diserahkan kepada pihak isteri. Keadilan yang mahu diterjemahkan Islam adalah perkahwinan merupakan sebuah ibadat dan ianya tidak seharusnya membebankan. Kewajipan pembayaran mas kahwin hakikatnya mengandungi jaminan keadilan buat kedua-dua pasangan bagi menunjukkan keseimbangan dalam melaksanakan kewajipan. Hal ini kerana nilai bayaran mas kahwin yang tinggi bukanlah gambaran sebuah ibadat yang tujuannya mendekatkan diri kepada Allah SWT jika ianya membebankan dan nilai yang rendah juga bukanlah suatu keadilan bagi pihak isteri yang menyerahkan dirinya kepada suami. Oleh itu, bagi menjamin keadilan dari segala aspek, maka syarak menetapkan bayaran mas kahwin tiada kadar tertentu namun bernilai. Ini membuktikan keadilan dalam perintah agama itu didatangkan dengan keseimbangan iaitu tidak membebankan individu yang melaksanakannya.

Apa yang dapat diperhatikan, Islam sangat menitik beratkan keadilan buat pasangan suami isteri yang mana diberi kebebasan dalam penetapan bayaran mas kahwin namun dalam masa yang sama perlu mempunyai nilai. Bagi suami, mereka tidak terbeban dengan kadar bebas bayaran mas kahwin yang memudahkan mereka membayarnya. Bagi isteri pula, mereka tidak perlu khuatir kerana walaupun kadar mas kahwin tidak ditetapkan, namun syarak tetap menjaga hak wanita dari segi zat pemberian tersebut yang wajib bernilai dan bermanfaat disisi syarak (Al-Kasani, 2000). Tambahan lagi, konsep adil turut meraikan individu yang berkemampuan yang mahu menetapkan kadar yang tinggi dan begitu juga bagi mereka yang kurang berkemampuan, yang mahu menetapkannya dengan kadar yang rendah selagi mana ia menepati syarat-syarat yang telah termaktub (Syh Noorul Madiah Syed Husin et al., 2014). Walaupun begitu, kebanyakan ulama tetap menggalakkan agar mas kahwin diselaraskan pada kadar yang sederhana agar urusan perkahwinan menjadi lebih mudah sekaligus memberi peluang kepada individu yang ingin berkahwin berdasarkan kemampuannya.

Masyarakat seharusnya mempunyai timbang-tara yang adil dengan melaksanakan perbelanjaan mengikut gaya Rasulullah SAW, bukannya gaya perbelanjaan yang bertentangan dengan Islam. Konsep perbelanjaan baginda bukan sahaja memudahkan bahkan dekat dengan kebaikan dan keberkatan. Sabda Rasulullah SAW,

خير النكاح أيسره

Maksudnya: *“Sebaik-baik perkahwinan adalah yang paling memudahkan.”*

(Abu Daud)

Hadis di atas menjelaskan bahawa perkahwinan yang terbaik adalah perkahwinan yang memudahkan. Imam al-Shawkanī (1996) menyatakan galakkan perbelanjaan secara mudah merujuk kepada bayaran mas kahwin yang rendah dan tidak meninggikannya. Memudahkan perbelanjaan dapat mengelakkan kesukaran dalam urusan perkahwinan terutama bagi mereka yang mempunyai keinginan untuk berkahwin. Kesederhanaan yang mendorong kepada kemudahan dalam perbelanjaan dapat memastikan hajat setiap masyarakat yang ingin berkahwin di usia muda tercapai dan memberi peluang individu untuk berkahwin tanpa perbelanjaan yang tinggi tanpa mengira latar belakang ekonomi.

Sikap berlebih-lebihan dalam berbelanja jelas bertentangan dengan konsep adil dalam Islam. Ini kerana ia boleh membawa kepada pembaziran, pemborosan dan isu keberhutangan

yang boleh mengganggu ekonomi keluarga. Misalnya, walaupun pemberian mas kahwin adalah simbolik kepada kesungguhan seorang lelaki memperisterikan wanita yang dikahwininya (al-Sha'rawi, 2000), namun ia bukanlah satu amalan yang perlu dibanggakan. Dalam sebuah riwayat, Rasulullah SAW menegaskan bahawa wanita yang diberkati adalah mereka memudahkan urusan pembayaran mas kahwin (Ibn Hanbāl, 1978). Jika urusan perbelanjaan sudah dimudahkan dari sebelum berkahwin, maka selepas berkahwin pasti lebih mudah. Ini menggambarkan bahawa unsur memudahkan merupakan petanda kebaikan dalam agama dan jika individu memilih jalan yang bertentangan seolah-olah ingin menyusahkan urusan agama.

Keadilan dalam Islam juga bermaksud mengutamakan kebaikan yang perlu disegerakan. Hal ini dapat dilihat saat walimah Rasulullah SAW bersama isteri baginda iaitu Safiyyah Binti Huyayy R.A yang diadakan saat permusafiran yang mana menu jamuan ketika itu hanyalah sekadar hays (sejenis makanan yang diadun dari keju, kurma dan minyak sapi), kurma dan *sawiq* (sejenis tepung yang digoreng) (al-Nawawi, 2001), sedangkan baginda boleh memilih mengadakannya selepas pula dari musafir dengan walimah yang lebih baik. Di sini dapat diperhatikan bahawa konsep adil jelas terserlah tatkala baginda menyegerakan walimah selepas akad, bukan melewatkannya. Dalam melaksanakan perbelanjaan walimatulurus, pilihan terbaik yang wajar dilaksanakan oleh setiap individu adalah melaksanakannya dengan segera dan menyediakan hidangan sesuai dengan kemampuan. Hal ini kerana fuqaha tidak menentukan sebarang bentuk makanan yang khusus (Al-Ramli, 1967). Ini mengisyaratkan bahawa jamuan bukanlah bererti tetamu perlu dimewahkan kerana tujuan walimah dihadiri untuk meraikan pasangan. Biarpun Islam meraikan individu yang berkemampuan untuk berbelanja lebih, namun masyarakat perlu berjaga-jaga dalam berbelanja mewah bagi mengelakkan pemborosan. Baginda juga pernah menegur seorang sahabat yang membayar mas kahwin dengan nilai yang sangat tinggi dan di luar kemampuan beliau (Muslim, 2000). Hal ini kerana berbelanja di luar kemampuan hukumnya makruh dan akan menyukarkan dalam menunaikan bayaran mas kahwin (al-Nawawi, 2001). Oleh itu, perbelanjaan yang dilakukan secara adil menjamin kewangan yang lebih selamat dan mengelakkan perbelanjaan di luar kemampuan.

Justeru, perbelanjaan secara adil jelas selari dengan konsep *wasatiyyah* yang mana tidak berlebih-lebihan dalam urusan perbelanjaan. Perkahwinan yang menitik beratkan konsep memudahkan dan seimbang bakal menatijahkan kelancaran urusan perkahwinan yang akan dilaksanakan serta menjadi gambaran bagi perbelanjaan ekonomi keluarga yang bakal dilaksanakan kelak (Muhammad Nabil, 2006). Bagi memastikan urusan perbelanjaan dilaksanakan dengan mudah dan adil, elemen perbelanjaan perkahwinan perlu diselaraskan mengikut kemampuan pihak pasangan seperti membuat senarai semak item perbelanjaan. Ini sekaligus dapat mengelakkan risiko berbelanja secara berlebihan.

## 2. Perbelanjaan Sepadan Kemampuan

Dalam melaksanakan perbelanjaan perkahwinan, konsep perbelanjaan mengikut kemampuan amat penting dipraktikkan agar perbelanjaan yang dilakukan tidak menyebabkan defisit kewangan dan kerugian kepada individu. Kriteria ini penting diketengahkan kerana Islam amat menitik beratkan soal kemampuan dalam segala urusan, Perbelanjaan sepadan kemampuan bermaksud berbelanja mengikut tahap kemampuan atau sumber yang dimiliki.

Ianya juga merupakan pelan perbelanjaan yang meletakkan batasan bajet agar tidak terkeluar dari limit kemampuan yang boleh mendatangkan bebanan seperti isu keberhutangan dan muflis (Wijaya Kamal Ramlan, 2018).

Jika dianalisis, konsep kemampuan jelas dinyatakan dalam al-Quran tatkala Allah SWT menegaskan setiap urusan di dunia yang ditaklifkan kepada ke atas manusia adalah berdasarkan kemampuan (Nurzatil Ismah Azizan & Fathi Nail Jinan Agus Rizal, 2020). Firman Allah SWT,

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِن نَّسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إَصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ وَاعْفُ عَنَّا وَاعْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ

Maksudnya: “Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai kesanggupannya. Ia mendapat pahala (dari kebajikan) yang diusahakannya dan ia mendapat siksa (dari kejahatan) yang dikerjakannya. (Mereka berdoa): “Ya Tuhan kami, janganlah Engkau hukum kami jika kami lupa atau kami tersalah. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau bebaskan kepada kami beban yang berat sebagaimana Engkau bebaskan kepada orang-orang sebelum kami. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang tak sanggup kami memikulnya. Maafkanlah kami; ampunilah kami; dan rahmatilah kami. Engkaulah Penolong kami, maka tolonglah kami terhadap kaum kafir”. (Surah al-Baqarah 2: 286)

Ayat di atas memberitakan bahawa Allah SWT tidak akan memerintahkan sesuatu melebihi kemampuan hambaNya. Menurut Hamka (2007), tidak ada satu kewajipan di dunia yang tidak mampu dilaksanakan oleh setiap insan. Contohnya, bayaran mas kahwin jelas memperlihatkan konsep kemampuan tatkala ianya disyariatkan boleh dibayar secara terus atau bertangguh (Al-Jaziri, 1999). Bagi mazhab Syafie, pembayaran bertangguh sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya adalah diharuskan (Al-Nawawi, t.t). Kemudahan ini memberi kesempatan kepada pengantin yang kurang berkemampuan untuk membayar mas kahwin mengikut kemampuan ekonomi semasa. Secara tidak langsung, kebebasan yang ditawarkan dalam bayaran mas kahwin membuktikan kesungguhan Islam dalam mendidik umatnya mengutamakan soal kemampuan dalam perkara ibadah.

Menyingkapi sirah perkahwinan Rasulullah SAW, konsep berbelanja sepadan kemampuan jelas ditonjolkan menerusi walimatulurus Rasulullah SAW bersama isteri baginda, Safiyyah binti Huyayy R.A.

حتي اذا كان بالطريق جهزتها له ام سليم , فاهدتها له من الليل , فاصبح من النبي صلى الله عليه وسلم عروسا . فقال : “من كان عنده شيء فليجيئ به قال : وبسط نطعا . قال : فجعل الرجل يجيء بالأقط . وجعل الرجل يجيء بالتمر . وجعل الرجل يجيء بالسمن . فحاسوا حيسا , فكانت وليمة رسول الله صلى الله عليه وسلم .”

Maksudnya: “Ketika dalam perjalanan pulang, Umm Sulaym mempersiapkan (Safiyyah bint Ḥuyayy) untuk perkahwinannya dengan nabi, kemudian beliau diserahkan kepada nabi pada malam itu. Maka pada keesokan paginya, nabi telah menjadi seorang mempelai, lalu bersabda: “Sesiapa yang mempunyai sedikit makanan, hendaklah dibawa”. Lalu ditebarkan sebuah tikar dari kulit. Ada yang membawa keju, ada yang membawa kurma dan ada yang membawa minyak sapi. Kesemuanya diadun menjadi hays dan itulah walimah Rasulullah SAW.” (Muslim)

Hadis di atas menjelaskan menu utama bagi jamuan walimah perkahwinan Rasulullah SAW dan isteri baginda yang mana diadakan saat pulang dari permusafiran adalah *hays*. Jika diperhatikan, keadaan semasa tersebut langsung tidak mengganggu baginda daripada melaksanakan walimatulurus. Dengan keterbatasan kemampuan untuk mendapatkan sumber, Rasulullah SAW boleh sahaja melaksanakan walimah setelah pulang bermusafir namun baginda tetap menjamu para sahabat seusai walimah baginda dengan bantuan para sahabat. Ini menunjukkan kemampuan dalam pelaksanaan sesuatu ibadah datang dari pelbagai bentuk dan cara. Baginda juga menunjukkan pentingnya bersegera melaksanakan walimah kerana menangguh-nangguhkan kebaikan adalah makruh disisi syarak (Al-Suyūṭī, 2004) dan mengundang risiko hilangnya peluang melaksanakannya jika dilewatkan (al-Nawawi, t.t).

Justeru, masyarakat dituntut tidak mempersulit dan melewati urusan perkahwinan atas dasar tidak cukup meriah atau menarik. Misalnya dalam pelaksanaan walimatulurus, penyediaan makanan tidak perlu mewah atau banyak, namun cukup sekadar menyediakan makanan mengikut budaya setempat. Ini dapat menjimatkan kos jamuan kerana kos penyediaan makanan tempatan umumnya lebih murah berbanding makanan mewah. Begitu juga dalam bayaran mas kahwin, masyarakat seharusnya menetapkan kadar yang bersesuaian dengan kemampuan pihak lelaki. Kadar yang sederhana dapat memudahkan pihak lelaki membayarnya sekaligus menyegerakan perkahwinan. Malah, kriteria sekufu dalam perkahwinan juga perlu diambil kira jika seseorang ingin mengahwini wanita dari keluarga yang kaya kerana secara praktikalnya perbelanjaan perkahwinan yang perlu diperuntukkan berkemungkinan lebih tinggi berbanding golongan biasa. Maka pihak lelaki hendaklah memastikan dahulu tahap kemampuannya sebelum memilih wanita yang ingin dikahwini kerana dikhuatiri tidak mampu menyediakan bayaran mas kahwin yang diminta. Pernah diriwayatkan bahawa baginda menegur seorang sahabat yang membayar mas kahwin dengan nilai yang tinggi dan diluar kemampuan (Muslim, 2000). Hal ini kerana berbelanja di luar kemampuan hukumnya makruh dan akan menyukarkan dalam soal menunaikan bayaran mas kahwin (al-Nawawi, 2001).

Biarpun individu yang berkemampuan digalakkan berbelanja lebih dalam perkara ibadah namun perlunya sikap berhati-hati dalam perbelanjaan yang harus dan mengurangkan peruntukan perbelanjaan pada perkara yang makruh (Mohd Faizal Rameli, 2019). Ini jelas menepati idea konsep *wasatiyyah* yang menekankan kesederhanaan dalam setiap perkara. Justeru, umat Islam disarankan mengaplikasikan konsep perbelanjaan sepadan kemampuan bagi urusan perbelanjaan perkahwinan yang mana dapat menjamin perbelanjaan yang lebih teratur dan mengelakkan berlakunya perbelanjaan di luar bajet (Syh Noorul Madiah Syed Husin, 2016).

### 3. Mengelakkan pembaziran

Dalam melaksanakan apa jua perbelanjaan termasuk perkahwinan, Islam sangat mengutamakan konsep perbelanjaan yang dapat mengelakkan pembaziran. Secara khusus, konsep ini diistilahkan sebagai kaedah perbelanjaan optimum yang meletakkan keperluan perbelanjaan pada tahap yang sesuai dan efisien bagi membendung penyalahgunaan sumber. Untuk merealisasikan, setiap perbelanjaan yang dilakukan mestilah mempunyai matlamat yang jelas bagi memastikan perbelanjaan yang dilakukan tidak mengalami pengeluaran bajet yang melampau sehingga mendatangkan pembaziran.

Pembaziran merupakan amalan syaitan dan perbuatan tersebut tergolong dalam sifat berlebih-lebihan dan melampaui batas yang ditegah (al-Qardhawi, 1997). Ianya ditafsirkan sebagai apa jua tindakan dalam menggunakan harta tanpa membawa sebarang faedah dan pahala serta tersalah menetapkan hak pemberian (al-Tabari, t.t), maka ia adalah suatu pembaziran. Misalnya dapat dilihat dalam elemen mas kahwin yang mana didasari kriteria bermanfaat dan bernilai di sisi syarak (al-Kasani, 2000). Pemberian yang banyak namun tiada manfaat pastinya tiada nilai dan membazir. Dalam sirah baginda SAW, Rasulullah SAW telah menunjukkan contoh terbaik dalam perbelanjaan berkonsepkan manfaat lagi tidak membazir. Menurut riwayat dari Abu Said al-Khudri, nilai mas kahwin isteri baginda Saidatina Aisyah RA adalah dalam bentuk perkakas rumah bernilai lima puluh dirham (Ibn Mājah, t.t). Hal ini kerana perkakas rumah digambarkan sebagai barangan yang sangat penting yang mana dengannya seorang isteri dapat melakukan tugas di rumah dengan mudah di samping dapat memberi khidmat terbaik kepada suami seperti memasak dan mengemas. Pemberian perkakas rumah kepada Aisyah RA ini merupakan sebuah pemberian yang tidak membazir bahkan manfaatnya sangat diperlukan oleh seorang isteri dalam rumah tangga. Perbelanjaan yang bermanfaat dinilai berdasarkan kualiti yang mana memberikan kebaikan buat jangka masa yang panjang dan memberi kuasa pemilikan penuh buat individu yang membelanjakannya dan meraih manfaat darinya (Badran, t.t). Sebaliknya perbelanjaan yang membazir tidak dapat memberi manfaat dan tidak kekal.

Selain itu, dalam penganjuran walimatulurus baginda, konsep perbelanjaan yang bermanfaat dan tidak membazir turut dipamerkan tatkala menu hidangan perkahwinan baginda dihidangkan dengan jenis makanan harian penduduk Arab seperti *hays*, *sawiq*, sajian berasaskan kambing, roti dan barli (Muslim, 2000). Rasulullah SAW tidak meraikan majlis dengan makanan yang bukan kebiasaan atau terlalu banyak sehingga mendatangkan pembaziran namun baginda mengajak sekali para sahabat untuk turut serta menghidangkan jamuan sekali gus menikmati kegembiraan bersama semua masyarakat Islam. Bahkan ulama menyatakan bahawa membantu sahabat-sahabat yang mengadakan walimah dalam apa jua bentuk hidangan makanan adalah sunat hukumnya (al-Nawawi, 2001). Apa yang dapat diperhatikan, pembaziran dapat dielakkan apabila setiap tetamu membawa makanan masing-masing sebagai jamuan yang mana dapat menjimatkan kos tuan rumah dalam penyediaan makanan. Hal ini kerana sudah menjadi adat jika perbelanjaan walimah yang dilaksanakan berakhir dengan pembaziran makanan kerana sukatan jumlah tetamu yang kadangkala sukar dianggarkan. Untuk itu, amalan yang perlu ditiru masyarakat Islam kini adalah bergotong-royong menyediakan makanan jamuan bahkan lebih praktikal lagi bersama-sama menyumbang dari sudut kewangan agar meringankan kos perbelanjaan bagi tujuan walimah

sekaligus menunjukkan lambang kasih sayang dan meraikan pasangan yang berkahwin (Nasih Ulwan, 1983).

Oleh yang demikian, bagi memastikan perjalanan urusan perkahwinan dilaksanakan menepati konsep *wasatiyyah*, maka perlunya amalan perbelanjaan yang dapat mengelakkan pembaziran. Justeru, penganjuran konsep perbelanjaan secara optimum bersama ahli keluarga pastinya dapat mengurangkan pembaziran terutama di zaman moden yang menuntut kepada sejumlah bajet yang tinggi.

## KESIMPULAN

Pengurusan perbelanjaan perkahwinan mengikut perspektif Islam yang berdasarkan konsep *wasatiyyah* seharusnya diberi perhatian yang wajar oleh setiap pihak khususnya ibu bapa. Kepentingan aplikasi konsep *wasatiyyah* ini bukan sekadar untuk dijadikan teori, namun dijadikan garis panduan yang memandu masyarakat Islam khususnya pasangan muda yang ingin mendirikan rumah tangga. Bebanan perbelanjaan perkahwinan semasa sepatutnya diringankan bagi membendung isu-isu sosial seperti zina, berhutang dan perkahwinan lewat usia dan ini memerlukan kerjasama daripada setiap pihak. Pihak berwajib digalakkan memainkan peranan yang lebih efektif dalam memberikan kefahaman kepada masyarakat Islam dengan menguat kuasakan pelaksanaan kaedah ini melalui pendidikan seperti dimasukkan dalam silibus kursus kahwin agar masyarakat terdedah dan terpandu mengenai pengurusan perbelanjaan perkahwinan berdasarkan konsep *wasatiyyah* sekaligus membantu mereka dalam melaksanakan konsep ini dalam urusan perkahwinan.

## RUJUKAN

- Abu Bakar Hamzah. (1985). Perpaduan dan Kesederhanaan dalam Islam. *Seminar Perpaduan dan Kesederhanaan Dalam Islam*. Kedah: Jabatan Hal Ehwal Agama Kedah.
- Dalila Daud. (2021). Keutamaan Perbelanjaan. *Domain Kewangan: Wanita Rentan Siri 2* (p. Live Facebook). Seremban: Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Sembilan.
- Fakhrudin Abdul Mukti, Mohd Fauzi Hamat, Faizuri Abd Latif & Norafifah Ab Hamid. (2010). Wasatiyyah dan Keamanan Global: Kajian Terhadap Pemikiran Ulama Melayu. *Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejagat, 24-25 Februari 2010* (pp. 1-15). Brunei Darussalam: Universiti Islam Sultan Sharif Ali.
- al-Farfur, Muhammad Abd al-Latif. (1992). *al-Wasatiyyah fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Nafa'is.
- Fauzi Almubarak. (2018 ). Keadilan dalam Perspektif Islam. *ISTIGHNA*, 1( 2): 115-143.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (1996). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Jil 4.. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Haslina Hassan & Ann Wan Seng. (1995). *Wanita dan Perkahwinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' al-Hafiz. (1998). *Tafsir Ibn Kathir*, Jld. 1 & 3. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Manzur, Muhammad ibn Mukarram. (2005). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Qudamah. (1997). *al-Mughni*. (ed. 'Abd Allah Ibn 'Abd al-Muhsin al-Turki dan 'Abd al-Fattah Muhammad al-Halw. Riyād: Dār 'Alam al-Kutub.

- Ismail Ibrahim. (2013). Konsep Wasatiyyah: Perspektif Islam. *Konsvensyen Wasatiyyah Sempena Satu Milenium Islam di Nusantara* (pp. 1-17). Nilai: Nadi Dialog Malaysia (NADI) & Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- al-Jabiri, Sayf Ibn Rashīd. (2008). *Mahr al-Zawjāt Bayna al-Sharī'ah wa al-'Ādah*. Dubai: Islamic Affairs & Charitable Activities Department.
- al-Jazīrī, 'Abd al-Rahmān. (1999). *Kitab al-Fiqh 'ala al-Madhāhib al-Arba'ah*, vol. 4., Kaherah: Dār al-Manar.
- al-Kasani, 'Ala' al-Din Abi Bakr ibn Mas'ud. (2000). *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Shara'i'*, ed. Muhammad 'Adnan ibn Yasin Darwish. Jilid ke-2. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- al-Khin, Mustafa., al-Bugho, Mustofa & al-Syarbani, Ali. (2005). Kitab Fikah Mazhab Syafii, Terjemahan al-Fiqh al-Manhaji Jilid 4. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Mohd 'Adlan, Mohd Shariffuddin. (2015). Keutamaan Menurut Sunnah Nabi. *Konvensyen UiTO 2015*, Orient Star Resort, Lumut, 25-26 Disember 2015. (pp. 1-17). Lumut: UiTO.
- Mohd Faizal Rameli, Suhaida Mohd Amin, Norajila Che Man, Noorfazreen Mohd Arisa & Nor Azlina Abd Wahab . (2019). Pengurusan Kewangan Islam dalam Kalangan Muslimpreneurs menurut Perspektif Ilmuwan Islam di Malaysia. *Online Journal Research In Islamic Studies*. Vol 6, Special Issue , 79-85.
- Mohd Khairuddin Mohad Sallehuddin, Muhammad Ridhwan Sarifin & Mohamad Fauzi Sukimi. (2020). Konsumerisme dan Kelas Sosial dalam Majlis Perkahwinan Masyarakat Melayu. *Akademika* 90 (Isu Khas 1/Special Issue) , 35-49.
- Muhamadul Bakir & Khatijah Othman. (2017). Wasatiyyah Sebagai Satu Pendekatan Strategik Ke Arah Kesejahteraan dan Keharmonian Masyarakat. *Jurnal Persatuan Kaunselor Pendidikan Malaysia*. Jil 3 , 15-27.
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhy al-Din ibn Syarf. (t.t). *al-Majmu' Syarh Muhazzab*, ed. Muhammad Najib al-Muti'i. Jilid ke-3, ke-16 dan ke-18. Makkah Mukarramah: Maktabat al-Irshad.
- Noresah Bahrom. (2002). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Athirah Mohd Azmi & Sanep Ahmad. (2016). Skim Zawaj: Produk Perkhidmatan Untuk Perkahwinan. *Jurnal Ulwan*, 1(1), 74-87.
- al-Qaradawi, Yusuf. (1981). *Khasa'is al- Ammah fi al-Islam*. Qaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Qaradawi, Yusuf. (1995). *Dawr al-Qiyam wa al-Akhlaq fi al-Iqtisad al-Islami*. Qaherah: Maktabat Wahbah.
- al-Qaradawi, Yusuf. (2006). *Dirasah fi Fiqh Maqasid al-Shari'ah*. Cet ke-3. al-Qahirah: Dar al-Shuruq.
- Qutb, Sayyid (1971). *Tafsir Fi Zilalil Quran*. Beirut: Darul Ma'rifah.
- al-Ramli, Shams al-Din Muhammad ibn Ahmad. (1967). *Nihayat al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj*. Jilid ke-5, ke-6 dan ke-8. Qaherah: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih.
- al-Sajistānī, Abū Dāwud Sulaymān bin al-'Ash'ath bin Ishāq. "Sunan Abū Dāwud", dalam *Mawsū'atal-Ḥadīth al-Sharīf*, 1378 dan al-Nasā'ī, "Sunan al-Nasā'ī", dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf*, 2304.

- al-Samarqandi, Abu Laith. (2006). *Bahr al-'Ulum al-Samarqandi*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Sha'rawi, Muhammad Mutawalli. (2000). *Ahkam al-Usrah li Bait al-Muslim*. Kaherah: Maktabah al-Turath al-Islami.
- al-Sharbinī, Shams al-Dīn Muḥammad Ibn Muḥammad. (1994). *Mughnī al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'āni Alfāz al-Minhāj*, vol. 4. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Shātibī, Abū Ishāq Ibrahim Ibn Musa Ibn Muḥammad. (1997). *al-Muwafaqāt*. Jeddah: Dār Ibn 'Affan.
- al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān. (2004). *al-Ashbah wa al-Nazā'ir fi Qawā'id wa Furū' al-Shāi'yyah*, vol. 1 (ed. Muḥammad Muḥammad Tamir dan Hafiz 'Ashur Hafiz. Kaherah: Dār al-Salām.
- al-Syawkani, Muhammad bin Ali bin Muhammad bin Abdullah. ( 1996). *Nailul Awthar Min Asrar Muntaqal Akhbar*. Kaherah: Dar al-Salām.
- Syh Noorul Madihah Syed Husin, Raihanah Azahari & Asmak Ab Rahman. (2014). Konsep al-Taysir Dalam Perbelanjaan Perkahwinan Islam. *Jurnal Syariah*. 22(3): , 323-354.
- Syh Noorul Madihah Syed Husin, Raihanah Azahari & Asmak Ab Rahman. (2016). Analisis Konsep Perbelanjaan Perkahwinan Rasulullah SAW. *Jurnal Usuluddin* 43 , 1-3.
- Syh Noorul Madihah Syed Husin, Raihanah Azahari, Asmak Ab. Rahman. (2016). Perbelanjaan Perkahwinan Bagi Masyarakat Muslim: Analisi Literatur. *Jurnal Fiqh* 13, 23-56.
- Syh Noorul Madihah Syed Husin. (2014). "Mas Kahwin dalam al-Quran dan Implikasinya Terhadap Penentuan Kadar,". *Etika Kerja dan Pengurusan Harta*, ed. Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali et al (SENARAI PENUH PENULIS). , 69-85.
- Syh Noorul Madihah Syed Husin. (2017). *Gelagat Perbelanjaan Perkahwinan Masyarakat Melayu Muslim Dalam Perspektif Syariah*. Kuala Lumpur: Akademi pengajian Islam Univerisiti Malaya.
- 'Ulwan, 'Abd Allah Nasih. (1983). *Adab al-Khitbah wa al-Zifaf wa Huquq al-Zawjain*. Qaherah: Dar al-Salam.
- Wan Roslili Abd. Majid. (2003, Januari 31). *Agama Menuntut Keadilan Mutlak, Hapus Kezaliman*. Retrieved April 27, 2022, from <https://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2003/01/30/agama-menuntut-keadilan-mutlak-hapus-kezaliman/>
- Zaydan, Abdul Karim. (1986). *al-Madkhal li Dirasat al-Shar icaḥ al-Islamiyyah*. Beirut: Maktabat al-Quds.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1989). *al-Fiqh al-Islam wa Adilatuhu*, Jil. 4: 40. Damsyik: Dar al-Fikr.